



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاِمْوَالِ الْاِسْلَامِيَّةِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

09 RAMADAN 1444H / 31 MAC 2023M

### ZAKAT FITRAH LAMBANG KEINSAFAN INSAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Bahagian Zakat & Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 24.03.2023

PEGAWAI PENYEMAK : M. J. RAHMAN

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 27/3/2023

DIBACA PADA : 31/3/2023

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN HJ. ALWI

BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informas  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

**KHUTBAH PERTAMA**  
**ZAKAT FITRAH LAMBANG KEINSAFAN INSAN**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ

لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣ (سورة التوبة (9): 103)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan jemaah sekalian, agar kita semua terus berusaha menjadi insan yang bertakwa, dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan dengan sifat takwa itu menjadikan kita orang yang mulia di sisi Allah dan dianugerahkan ganjaran syurga di akhirat kelak. Tajuk Khutbah pada hari ini ialah **“ZAKAT FITRAH LAMBANG KEINSAFAN INSAN”**. Sebelum saya menghuraikan pengisian khutbah kita pada hari ini, suka saya ingatkan kepada para jemaah, untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan ini.

**SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA SEKALIAN,**

Apabila tibanya bulan Ramadan, umat Islam terpanggil untuk menyahut seruan Ilahi, menekuni ibadah yang wajib disamping memperbanyakkan ibadah sunat. Salah satu daripada ibadah yang menjadi agenda utama di bulan Ramadan ini ialah ibadah zakat fitrah. Ibadah zakat secara umumnya bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu, dengan kadar dan syarat-syarat yang tertentu kemudian diagihkan kepada golongan yang tertentu. Sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣

**Maksudnya:** "Ambillah zakat dari harta mereka, guna membersihkan dan menyucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doamu itu (menumbuhkan) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah itu Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

(QS al-Taubah (9):103)

Zakat yang diwajibkan dalam bulan Ramadan ialah zakat fitrah. Zakat fitrah diwajibkan kepada setiap individu muslim yang mempunyai lebihan makanan atau harta daripada keperluan diri dan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya, sepertimana diriwayatkan dalam sebuah hadis:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللُّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ ...

**Maksudnya:** "Rasulullah S.A.W memfardukan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk mensucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perbuatan lagha (keji) dan perkataan yang buruk (yang dilakukan ketika sedang

*berpuasa) dan untuk dijadikan makanan bagi orang-orang yang miskin..."*

**(HR Abu Daud)**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Zakat fitrah merupakan lambang kepada keinsafan, sesuai dengan konteks pensyariatannya zakat fitrah itu sendiri yang dilaksanakan dalam bulan Ramadan, yang juga dikenali sebagai bulan keinsafan dan keampunan. Merujuk kepada hadis yang saya kongsi tadi, terdapat tiga pengajaran yang boleh kita ambil untuk menimbulkan rasa keinsafan dalam diri kita.

Yang pertama ialah, zakat fitrah menginsafkan kita bahawa betapa Maha Pengasih Allah SWT terhadap insan-insan yang beriman. Allah SWT memberi peluang dan ruang untuk kita memperbaiki serta menyempurnakan ibadah puasa kita dengan mensyariatkan ibadah zakat fitrah. Harta yang kita berikan untuk ibadah zakat fitrah itu terkandung di dalamnya sebuah kesucian. Kesucian yang ada pada zakat fitrah itulah yang akan digunakan untuk menampal kekurangan-kekurangan puasa seseorang sepanjang Ramadan yang disebabkan perbuatan-perbuatan keji dan sia-sia. Menyedari hakikat ini, kita sebagai muslim dan mukmin mestilah mensyukuri serta menzahirkan kesyukuran itu dengan melaksanakan zakat fitrah atau ibadah yang lainnya dengan penuh keikhlasan dan keinsafan.

Yang kedua, selain daripada penyempurna ibadah puasa, pelaksanaan zakat fitrah juga boleh menjadi penanda aras kepada prestasi sifat takwa kita di bulan Ramadan ini. Misalnya sebelum Ramadan dia bakhil, namun selepas Ramadan dia menjadi pemurah, itu bukti amalan puasa dan zakatnya sudah berkesan kepada dirinya. Namun jika keadaan dirinya sama sahaja, maka dikhuatiri dia telah gagal mencapai darjat takwa yang didambakan oleh ahli syurga.

Sebagaimana keterangan dalam sebuah Hadis daripada Ali bin Abi Talib Karramullah Wajhahu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*“Sesungguhnya di dalam syurga terdapat sebuah bilik yang (tembus penglihatan) luarnya dapat dilihat dari dalamnya, dan (jika dari) dalam dapat melihat ke luarnya. (Kemudian) berdirilah seorang Arab badui lantas bertanya: Kepada siapakah (bilik itu disediakan) wahai Rasulullah?” Baginda SAW menjawab: “Bagi mereka yang berkata baik, memberi makan (termasuklah menunaikan zakat fitrah), rajin berpuasa dan mengerjakan solat kerana Allah di malam hari di saat manusia lain sedang terlena.”*

**(HR al-Tirmidzi No. Hadis 1984, Hadis Hasan)**

Yang ketiga, zakat fitrah menginsafkan kita tentang nasib saudara-saudara kita yang miskin atau kurang berkemampuan. Islam tidak sesekali meninggalkan prinsip asas dalam sistem kemasyarakatan, iaitu nilai persaudaraan dan kebersamaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

١٠

**Maksudnya:** *“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*

**(QS al-Hujurat**

**(49):10)**

Perkara ini disokong pula dengan sabda baginda Rasulullah SAW:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

**Maksudnya:** *“Mukmin dengan mukmin yang lain umpama sebuah bangunan, sebahagian mengukuhkan sebahagian lain.”*

**(HR Muslim No. 2585)**

Islam menjadikan zakat fitrah sebagai salah satu mekanisma perpaduan yang baik. Hal ini kerana harta yang dizakatkan itu akan diberikan kepada orang miskin supaya mereka dapat meraikan Aidilfitri dalam suasana kecukupan bersama seluruh umat Islam yang lain. Islam tidak ingin melihat di hari raya Aidilfitri ada orang yang meminta-minta padahal di kalangan umat Islam ada yang meraikannya dalam suasana kecukupan. Apa yang Islam mahukan ialah kita semua bersama-sama menyambut hari raya Aidilfitri dengan kecukupan, kesyukuran dan kegembiraan. Jika perkara ini berlaku, sudah tentu ia mampu melahirkan masyarakat harmoni sesuai dengan gagasan, Malaysia Madani.

Bersempena dengan Peringatan Hari Ulang Tahun ESSCOM yang ke-10 pada tahun ini yang disambut pada 1 April setiap tahun, mimbar mengambil kesempatan menyeru, marilah kita sama-sama menggembleng tenaga dan daya mendokong usaha ESSCOM untuk mencapai visi dan misi demi memastikan keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran diri, keluarga mahupun negeri kita terpelihara sepanjang masa. Sewajarnya kita turut menyampaikan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen semua anggota keselamatan khususnya pihak ESSCOM yang telah melaksanakan tugas dan amanah demi menjamin keselamatan negara terus terpelihara.

#### **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Kesimpulannya, marilah kita merealisasikan slogan “Ramadan Bulan Keinsafan” dengan melaksanakan ibadah zakat fitrah di bulan Ramadan pada tahun ini dengan penuh keinsafan. Selain zakat fitrah, saya juga menggalakkan jemaah

sekalian agar melaksanakan kewajipan Zakat Harta di bulan Ramadan ini, bagi merebut peluang ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Dalam konteks ini, saya menyeru kepada jemaah muslimin sekalian, agar menunaikan ibadah Zakat Fitrah dan Zakat Harta di **Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)** melalui kaedah-kaedah pembayaran yang disediakan. **Bahagian Zakat dan Fitrah (MUIS)** merupakan satu-satunya agensi awam yang diberikan tanggungjawab oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat di negeri Sabah. Mudah-mudahan kita semua sentiasa diberikan petunjuk dalam menjaga hubungan dengan Allah SWT serta menjaga hubungan sesama insan.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ  
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا  
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى  
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي فَاذُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّيِّسِ  
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.